

Mokhzani tidak sepatutnya tunduk kepada tohmahan

BH 29 APR 2001

KOTA BHARU: Pengunduran Datuk Mokhzani Mahathir dengan penjualan keseluruhan ekuitinya dalam Pantai Holdings Bhd dan Tongkah Holdings Bhd, secara tidak langsung mengurangkan pegangan Bumiputera dalam sektor perniagaan.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif KUB Bhd, Datuk Hassan Harun, berkata Mokhzani tidak sepatutnya tunduk kepada tuduhan tidak berasas pihak tidak bertanggungjawab mengaitkannya dengan bapanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hassan berkata, adalah tidak adil pihak yang cemburu dengan

kejayaan anak-anak Perdana Menteri dalam dunia perniagaan sehingga menaburkan pelbagai fitnah.

"Keputusan Mokhzani undur diri (daripada dunia korporat)... saya berasa tidak perlu sebab yakin dia berniaga dengan cara profesional. Anak Dr Mahathir mendapat semua itu (kejayaan dalam perniagaan) adalah atas kebolehan sendiri.

"Tapi... kita kena terima (keputusan Mokhzani) apabila seorang Melayu memiliki saham (dalam Pantai Holdings dan Tongkah Holdings), dia terpaksa jual kepada orang bukan Mela-

yu. Apa ertinya itu. Dengan lain perkataan, ekuiti Melayu terpaksa dikorbankan.

"Kenapa... hanya untuk memuaskan hati dan desakan pemimpin politik yang cetek pemikiran dan kolot pandangan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Rantau Panjang, dekat sini, semalam.

Beliau mengulas pengunduran Mokhzani yang juga Ketua Eksekutif Pantai Holdings dan Tongkah Holdings kelmarin, dari dunia korporat.

Mokhzani mempunyai 12.6 peratus kepentingan langsung

dalam Tongkah Holdings dan 32.9 peratus dalam Pantai Holdings.

Keputusan itu dibuat kerana anak Perdana Menteri dikatakan kecewa dengan tohmahan pihak tidak bertanggungjawab membubarkan nama beliau serta bapanya, Dr Mahathir.

Mokhzani berkata, penjualan keseluruhan pegangannya dalam syarikat tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), terutama Pantai Holdings dan Tongkah Holdings, dibuat tanpa pengetahuan Dr Mahathir yang juga Presiden Umno.

Kelmarin, Perdana Menteri di-

duk kepada tohmahan

laporkan berkata, beliau tidak campur tangan dalam keputusan anaknya mahu mengundurkan diri dari dunia korporat.

Hassan yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, berkata anak-anak Perdana Menteri berkelulusan tinggi dan bijak dalam dunia perniagaan.

Malah, katanya, kebolehan anak-anak Dr Mahathir dilihat dalam buku yang ditulis penulis Australia, Micheal Backman yang menyatakan kejayaan dan kekayaan mereka miliki bukan melalui kekuatan ayahnya (sebagai Perdana Menteri) tetapi usaha sendiri.

"Tapi, perkara ini (usaha anak Perdana Menteri) tidak dihebohkan, sebaliknya diputarbelitkan untuk tujuan politik terutama pembangkang," katanya.

Ditanya pandangan peribadi Dr Mahathir bahawa orang terlalu kaya dilarang bertanding merebut jawatan dalam Umno, Hassan berkata, teguran Presiden Umno bukan kepada orang kaya yang memberi khidmat secara sukarela dan berkorban kepada perjuangan (membangunkan) negara.

Malah, katanya, kerajaan sentiasa berusaha melahirkan lebih ramai orang Melayu

yang kaya.

"Jadi, tidak bererti dia (Perdana Menteri) tidak mahu orang Melayu menjadi kaya. Yang Dr Mahathir tak mahu ialah orang yang menggunakan wang untuk tujuan mendapat kuasa politik.

"Oleh itu, kalaulah wang itu tidak disalah guna dan digunakan untuk kebajikan orang ramai, sudah tentu Perdana Menteri atau sesiapa saja akan menyambut baik.

"Sebenarnya ramai ahli korporat bekerja di belakang tabir membantu Umno untuk majukan negara dan rakyat," katanya.